



كامرکتوا حاکم شرعي محکمہ شرعيہ نگرى ملاک

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.

Telefon : 06 - 233 2050

Sambungan : 3501

Faks : 06 - 2311275

Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3()

Tarikh : **28** April 2016

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.5 TAHUN 2016

Pengendorsan Perintah / Penghakiman Mahkamah Rendah Syariah Bagi Tujuan Penguatkuasaan Perintah di Mahkamah Tinggi Syariah

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.1 tahun 2016 pada 28 Mac 2016 di Bilik Mesyuarat Saidina Umar, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Perintah / Penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah, yang mencatatkan apa-apa keputusan / perkara melibatkan bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah, hendaklah mempunyai kesan seperti berikut :
 - i. Sekiranya dikeluarkan **SEBELUM** 28 November 2002, Perintah / Penghakiman **TIDAK PERLU** diendors di Mahkamah Tinggi Syariah untuk dikuatkuasakan menurut peruntukan undang-undang.
 - ii. Sekiranya dikeluarkan **SELEPAS** 28 November 2002, Perintah / Penghakiman **PERLU** diendorskan di Mahkamah Tinggi Syariah untuk dikuatkuasakan menurut peruntukan undang-undang.
2. Contoh :

Kes Hadhanah yang diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah pada tahun 2005, bagi tujuan penguatkuasaan, pihak-pihak hendaklah mengendorskan perintah tersebut di Mahkamah Tinggi Syariah.

Arahan ini berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS Keadilan"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka